



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : [kpkt_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(54)

Tarikh : 21 Februari 2013

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN PRESIDEN TRIBUNAL TUNTUTAN PEMBELI RUMAH (TTPR)

Putrajaya, 21 Februari 2013 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyempurnakan majlis penyerahan watikah pelantikan presiden TTPR pada pagi ini. Majlis pada pagi ini adalah majlis yang julung kalinya diadakan sejak penubuhan TTPR pada 1 Januari 2003. Majlis pelantikan ini adalah suatu amanah sebagai hakim bagi memastikan keadilan dapat dicapai dalam membela nasib pembeli rumah yang teraniaya atau kurang bernasib baik. Sejak penubuhan TTPR, sebanyak 34,122 kes telah difailkan oleh pembeli dan daripda jumlah tersebut sebanyak 33,573 kes bersamaan 98.4% dari kes yang difailkan telah dapat diselesaikan.

Sehingga 31 Disember 2012, TTPR telah memberi award kepada pembeli rumah sebanyak RM115,098,317.90 (satu ratus lima belas juta sembilan puluh lapan ribu tiga ratus tujuh belas ringgit dan sembilan puluh sen). TTPR juga telah diberikan mandat khusus untuk menyelesaikan pertikaian yang timbul daripada *perjanjian jual beli* rumah di antara pembeli dan pemaju perumahan dalam tempoh yang ditetapkan. Ia adalah saluran alternatif kepada pembeli rumah untuk memfailkan tuntutan terhadap pemaju perumahan bagi pertikaian yang berbangkit dari Perjanjian Jual Beli dengan cara yang mudah, murah dan cepat. Pada tahun 2007, pindaan telah dibuat terhadap Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dengan –

- a. Menaikkan bidang kuasa TTPR daripada RM25,000 kepada RM50,000;
- b. Memberi kuasa kepada TTPR untuk mendengar tuntutan daripada pemilik rumah yang didirikan atas tanah komersil seperti *service apartment*, SOHO, SOVO dan sebagainya;
- c. Memberi kuasa kepada TTPR untuk mendengar pertikaian yang berbangkit daripada perjanjian jual beli yang ditamatkan lebih awal (dalam kes rumah terbungkalai);
- d. Menaikkan penalti ingkar award TTPR daripada maksimum RM5,000 kepada minimum RM5,000 hingga maksimum RM10,000.

Pada penghujung tahun 2011 pula, sekali lagi Akta 118 dipinda bagi –

- e. Membolehkan TTPR mendengar tuntutan yang dibuat oleh pembeli rumah terhadap pemaju yang tidak berlesen; dan
- f. Menaikkan penalti ingkar award TTPR daripada minimum RM5,000 hingga maksimum RM10,000 kepada minimum RM10,000 hingga maksimum RM50,000.

Namun, pindaan ini belum dikuatkuasakan berikutan terdapat beberapa masalah teknikal yang perlu diselesaikan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : pro@kpkt.gov.my